



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 28 November 2025

Untuk Terbitan Media
28 November 2025

SIARAN MEDIA

TRAGEDI KEPALA AIR PINTASAN SALOMA: WARIS MANGSA TERIMA FAEDAH BULANAN RM2,655 SEPANJANG HAYAT

KUALA LUMPUR: Waris kepada lelaki yang maut dalam tragedi kepala air dari Pintasan Saloma disahkan layak menerima faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Semakan PERKESO mendapati, mendiang Suresh a/l Kamalanathan, 37, yang bekerja sebagai penyelia di syarikat kontraktor Palladium Builders Sdn. Bhd merupakan pencarum di bawah LINDUNG Pekerja menerusi Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), namun rekod caruman terakhir ialah pada April 2025.

“Justeru, PERKESO segera menghubungi majikan dan melalui hasil tindakan segera, caruman tertunggak mendiang dari Mei hingga Oktober 2025 dilunaskan sepenuhnya pada 18 November lalu.

“Ia sekali gus mengekalkan status mendiang sebagai pencarum aktif dan memastikan warisnya layak menerima perlindungan penuh daripada PERKESO.

”Waris mendiang iaitu isteri, Shalini Devi a/p A Prupakaran, 31, dan anaknya yang berusia enam tahun, Pratezwaran, layak menerima Faedah Orang Tanggungan (FOT), mengikut syer masing-masing dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2,655 sebulan, selain Faedah Pengurusan Mayat RM3,000 secara sekali bayar,” menurut PERKESO menerusi kenyataan, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan bahawa mangsa dihanyutkan ketika cuba mengalihkan sebuah kenderaan di bawah jambatan selepas menyedari kehadiran kepala air pada kira-kira jam 5.40 petang, 17 November lalu.

Mangsa dibawa arus deras, manakala 12 pekerja lain yang berada di lokasi berjaya menyelamatkan diri. Mayat mendiang ditemukan empat hari kemudian, kira-kira 45 kilometer dari lokasi mangsa dilaporkan hilang.

Cakna dengan perkembangan duka itu, PERKESO menzahirkan rasa simpati dan berharap agar keluarga mendiang tabah menghadapi dugaan ini.

“PERKESO akan memastikan proses tuntutan berjalan lancar serta melaksanakan Program Ziarah Prihatin dalam masa terdekat.

"Majikan juga diingatkan untuk memastikan caruman pekerja sentiasa dikemas kini tanpa tunggakan, khususnya bagi pekerja yang berkhidmat dalam persekitaran berisiko tinggi," menurut kenyataan berkenaan.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
28 November 2025**

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud +6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my